

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	17 January 2016

LEGASI TUN RAZAK

Terima kasih kepada mereka yang mendukung wawasannya

“BELIAU merupakan contoh kepada saya dan inspirasi kepada semua rakyat Malaysia,” kata Najib dengan nada sebak mengenangkan pemergian bapanya semasa ucap tama seminar anjuran Asian Strategy and Leadership Institute (Asli) di Kuala Lumpur pada Khamis lalu.

Allahyarham Tun Abdul Razak telah 40 tahun kembali ke

rahmatullah. Pemergiannya pada 14 Januari 1976 mengejutkan semua pihak di negara ini kerana tiada siapa tahu penyakit yang dihadapi beliau.

Mereka yang bernasib baik mengenali Tun Razak tahu watak dan jasa beliau. Bagaimanapun bagi golongan anak generasi sekarang yang tidak pernah bertemu dengan Tun Razak telah mendapat banyak faedah daripada kerja-kerja beliau.

Setiap tahun kita sentiasa mengingati Tun Razak. Apa yang

anda ingat tentang peribadi, kepimpinan dan jasanya?

Tun Razak berjaya menjadi seorang pemimpin politik yang amat dihormati di Malaysia dan di rantau ini semasa era pembangunan negara dari tahun 1954-1976.

Ketika Malaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tun Razak yang dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri oleh Tunku Abdul Rahman, baru berusia 35 tahun.



um - 17/1/2016